

# UPMKB anjur pameran seni visual digital

**BINTULU:** Warga Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) menyaksikan pameran seni visual digital yang mengagumkan sempena Putra Bakti@Lightscape Exhibition UPMKB 2024 di sini, baru-baru ini.

Menurut kenyataan daripada UPMKB, program itu merupakan pameran seni digital pertama di UPMKB yang menampilkan pelbagai tema menarik seperti 'Forest Cinematic', 'Waves and Marine', dan 'Geometric and Space'.

"Pengunjung pameran bukan sahaja menikmati karya seni digital yang menawan, tetapi mereka juga diajak untuk terlibat dalam aktiviti seni seperti membuat kraf, melukis dan mewarna sesuai dengan kreativiti masing-masing.

"Inisiatif ini bertujuan untuk mendorong penyertaan aktif dan pengalaman yang lebih mendalam dalam dunia seni digital," katanya.

Salah satu ciri khas yang unik dalam Lightscape Exhibition kali ini adalah aktiviti Lightscape Exploration yang mana pengunjung dibawa menjelajah setiap tema pameran dengan mengikuti rangkaian petunjuk untuk menyelesaikan misteri di setiap bilik pameran.

Tambahnya, inisiatif itu memberikan dimensi interaktif pada pameran, menjadikannya lebih daripada sekadar pameran visual tetapi juga penjelajahan seni yang menarik.

"Sebanyak 20 peserta yang berhasil menyelesaikan misteri menerima hadiah istimewa dengan majlis penutupan programnya dirasmikan oleh Pegawai Psikologi Kanan UPMKB Muhammad Abdul Rahim Habib," kata kenyataan itu.

Sementara itu, Abdul Rahim berkata, program seumpamamembuka ruang baru untuk pengembangan seni dalam kalangan



**UNTUK KENANGAN...** Para pemenang Lightscape Exploration merakam gambar bersama sebagai tanda kenangan.

mahasiswa.

"Saya berharap program ini dapat diteruskan pada masa depan dengan memotivasi lebih banyak pelajar untuk mengeksplorasi dan meng-

ekspresikan kreativiti mereka," katanya.

Turut hadir melawat pameran tersebut adalah Ketua Pentadbir Pejabat Pengurusan Pelajar UPMKB Mohamad Syukri Moha-

mad Adnan yang memberikan sokongan kuat kepada inisiatif seni itu yang dilihat memberikan platform kepada mahasiswa untuk mengembangkan bakat seni mereka.